



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	26/1/2017	MUKA SURAT	: 51
JABATAN	:	JPS / BANJIR		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Daerah Dungun kembali dilanda banjir

KUALA TERENGGANU - Hujan lebat yang melanda Dungun menyebabkan rumah penduduk yang berada berhampiran kawasan rendah dinaiki air.

Ketua Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Terengganu, Leftenan Kolonel (PA) Che Adam A Rahman berkata, sehingga jam 6 petang semalam, 93 mangsa dari 30 keluarga ditempatkan di Dewan Orang Ramai Kampung Shukur, Dungun.

Bagaimanapun, jumlah itu berkurangan berbanding 141 mangsa yang dipindahkan ke tiga pusat pemindahan jam 10 pagi semalam.

Pusat pemindahan di Dewan Orang Ramai Pasir Raja dan Kampung Durian Mentangau mula ditutup tengahari semalam selepas semua mangsa dibenarkan pulang ke rumah masing-masing ekoran banjir pulih.